

TAHUN 6

SEJARAH

SIR HAKIM

TAHUN 6		
BIL	TOPIK	REMARKS
1	PEMBENTUKAN MALAYSIA	
2	NEGERI-NEGERI DALAM MALAYSIA	
3	RUKAN NEGARA	
4	KAUM DI MALAYSIA	
5	AGAMA DAN KEPERCAYAAN	
6	PERAYAAN MASYARAKAT DI MALAYSIA	
7	PEMIMPIN NEGARA MALAYSIA	
8	KEMAJUAN EKONOMI MALAYSIA	
9	SUKAN KEBANGSAAN MALAYSIA	
10	MALAYSIA DAN DUNIA	

Agama Buddha



Adab di wat

- Memakai pakaian yang sopan
- Menanggalkan kasut sebelum masuk ke dalam wat
- Memberi tumpuan semasa upacara keagamaan

Agama Sikh



Adab di gurdwara

- Menanggalkan kasut sebelum masuk ke gurdwara.
- Berpakaian sopan dan menutup kepala
- Melakukan penghormatan kepada buku suci Guru Granth Sahib.

Agama Tao



Adab di tokong

- Memakai pakaian yang sopan
- Melakukan upacara pemujaan dan penghormatan mengikut aturan

Kepentingan amalan beragama dan kepercayaan dalam masyarakat

Menjadi manusia yang baik

Agar hidup ada matlamat dan percaya kepada pembalasan

Supaya setiap manusia lebih bertanggungjawab


Untuk berlaku adil pada manusia, alam dan haiwan

supaya saling menghormati dan tidak memandang rendah pada agama lain

Perayaan disambut perpaduan dipupuk

Sebagai rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama, kita haruslah saling hormat menghormati antara satu sama lain. Masyarakat Malaysia perlulah bersifat terbuka dan rasional bagi memastikan keamanan dan kemakmuran negara kita berterusan.

Kemeriahan sambutan perayaan dahulu masih dikekalkan sehingga sekarang. Perkembangan teknologi, perubahan sosial dan perkembangan pembangunan telah menyumbang kepada faktor perubahan sambutan perayaan ini.



Deepavali*Kolam*

Dahulu



Bagi masyarakat India, *kolam* ialah suatu aktiviti yang penting. Dahulu *kolam* dihasilkan daripada tepung. Kini banyak yang dihasilkan dari beras atau hampas kelapa yang berwarna warni.

Sekarang

**Kad ucapan***Kad ucapan*

Dahulu



Kad ucapan dihantar sebagai tanda ingatan dan mewakili diri sekiranya tidak ketemu. Kini, ucapan dihantar melalui media sosial dan elektronik

Sekarang



Keunikan perayaan kebanggaan kita

Masyarakat Malaysia juga mempunyai kepelbagaian tradisi di musim perayaan. Tradisi ini memberikan memberikan rasa kekitaan kepada setiap anggota keluarga. Selain itu, tradisi ini juga memberi kesedaran kepada generasi muda tentang kepelbagaian khazanah budaya di Malaysia.

Tradisi pulang
ke kampung

Kepelbagaian
makanan
tradisional

Amalan ziarah
menziarahi

Pemberian
duit raya dan
angpau

Amalan ketika menyambut perayaan

Masyarakat Malaysia juga mempunyai kepelbagaian tradisi di musim perayaan.

Hari Raya Aidilfitri

- Bermaaf-maafan
- Pakai pakaian cantik
- Menyediakan makanan untuk tetamu

Hari Deepavali

- Mandi minyak
- Mendapatkan restu
- Menyalakan pelita di halaman rumah

Tadau Keamatan

- Upacara memuja semangat padi
- Menjamu makanan tradisional dan minuman air tapai
- Persembahan tarian sumazau

Tahun Baru Cina

- Makan besar bersama keluarga
- Tidak menyapu rumah pada hari pertama Tahun Baru Cina
- Kunjung mengunjung dan pemberian angpau

Hari Krismas

- Menghias pokok krismas
- Bersembahyang di gereja
- Bertukar-tukar hadiah
- Berkumpul untuk makan malam

Hari Gawai

- Mengadakan upacara ranyai
- Menjamu makanan tradisional dan minuman air tuak
- Pertandingan Kumang dan Keling



Di Malaysia terdapat pelbagai masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Kita meraikan pelbagai perayaan bagi memenuhi tuntutan agama, memperingatkan peristiwa penting atau mengekalkan budaya yang diwarisi.

Pada tahun 2000, kerajaan telah memutuskan sebanyak enam perayaan agama dan kepercayaan dijadikan sebagai perayaan utama rakyat Malaysia. Perayaan ini disambut seluruh negara dan diraikan dengan mengadakan Rumah Terbuka Malaysia. Matlamat utama diadakan Rumah Terbuka Malaysia adalah untuk memupuk perpaduan dan mewujudkan suasana harmoni

